



SIARAN AKHBAR

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI)

PENGUKUHAN EKOSISTEM PERUNDANGAN ANGKASA NEGARA DI PERINGKAT ANTARABANGSA MELALUI PENYERTAAN DALAM TRITI ANGKASA OST 1967 DAN REG 1975

PUTRAJAYA, 16 Januari 2026 – Malaysia secara rasminya menjadi Negara Ahli (*State Party*) kepada *Treaty on Principles Governing the Activities of States in the Exploration and Use of Outer Space, Including the Moon and Other Celestial Bodies* (OST 1967) dan *Convention on Registration of Objects Launched into Outer Space* (REG 1975) di bawah Pertubuhan Bangsa – Bangsa Bersatu (PBB) seraya penyempurnaan penyerahan instrumen penyertaan Malaysia oleh Yang Berhormat Dato' Seri Utama Hj. Mohamad bin Hj. Hasan, Menteri Luar Negeri di Amerika Syarikat sempena Perhimpunan Agung PBB pada 26 September 2025 lalu.

Langkah strategik ini merupakan rentetan dalam usaha kerajaan yang diterajui Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dalam memantapkan tadbir urus dan kawal selia aktiviti angkasa negara, bermula dengan pewartaan Akta Lembaga Angkasa Malaysia 2022 [*Akta 834*] pada 25 Januari 2022 seterusnya penguatkuasaan penuh Akta tersebut pada 1 Januari 2025. Triti Angkasa PBB merupakan rangka kerja

undang – undang antarabangsa yang menetapkan prinsip asas bagi memastikan penggunaan angkasa dijalankan secara selamat, bertanggungjawab dan memberi manfaat kepada semua umat manusia.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Yang Berhormat Tuan Chang Lih Kang menyifatkan perkembangan ini sebagai sinergi pelengkap kepada ekosistem perundangan angkasa negara menjadikan ia holistik dan komprehensif.

"Akta 834 adalah perisai domestik kita, manakala triti ini adalah jambatan diplomasi kita. Gabungan kedua-duanya mampu menjadikan Malaysia destinasi yang diyakini dan selamat untuk pelaburan aktiviti angkasa. Penyertaan Malaysia ke dalam OST 1967 dan REG 1975 merupakan bab seterusnya dalam inisiatif pembangunan sektor angkasa negara yang telah dirangka dengan teliti melalui Dasar Angkasa Negara 2030 yang telah dilancarkan pada 2017."

Penyertaan ini signifikan dalam melindungi kepentingan negara serta memberi isyarat diplomatik bahawa Malaysia komited untuk menjadi sebuah negara yang bertanggungjawab dalam aktiviti angkasanya. Secara tidak langsung akan meningkatkan reputasi negara sebagai sebuah negara angkasa baru (*space emerging countries*) dan membuka lebih banyak potensi untuk menyertai pelbagai program angkasa di peringkat antarabangsa lantas merebut peluang dalam sektor angkasa global yang berkembang pesat.

Status Negara Ahli akan membolehkan Malaysia menyuarakan pandangan mengenai kepentingan angkasa dengan lebih pragmatik terutamanya dalam gesaan penggunaan ruang angkasa secara aman dan bertanggungjawab, serta pengurusan trafik angkasa yang membantu

dalam memastikan kelestarian angkasa lepas bertepatan prinsip dan semangat kolektif triti.

Pada masa yang sama, MOSTI juga sedang dalam usaha meneliti dan menilai ketersediaan Negara bagi penyertaan dalam Triti Angkasa yang lain melalui Jawatankuasa Kerja Triti Angkasa. Langkah ini adalah sejajar Pelan Tindakan Dasar Angkasa Negara 2030 (MSE2030) yang diharap mampu memajukan serta melonjakkan sektor angkasa negara melalui kolaborasi dan kerjasama antarabangsa seterusnya menyokong kepada matlamat Dasar Angkasa Negara 2030 (DAN2030) iaitu sektor angkasa menyumbang sekurang-kurangnya RM10 bilion kepada KDNK negara dan mewujudkan 5,000 peluang pekerjaan menjelang tahun 2030 melalui jaminan kerangka perundangan yang telus dan bertaraf dunia.

Untuk maklumat lanjut mengenai perkara ini, sila layari laman sesawang di <https://www.mosti.gov.my/bahagian-penguasa-angkasa/>.

Untuk gambar berkaitan, Sila klik pautan ini: <https://drive.google.com/drive/folders/1njNexPoPGwjFNk6N11Oc2oBLHvxLpIIp>

– TAMAT –

Dikeluarkan oleh:

**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
16 JANUARI 2026**

MAKLUMAT TAMBAHAN

- Akta 834 digubal untuk memastikan Malaysia mempunyai mekanisme undang-undang yang kukuh untuk mengawal selia aktiviti angkasa supaya aktiviti ini dijalankan dengan selamat dan terjamin, menepati konsep '*spaceworthiness*'.
- Negara depositori bagi OST1967 adalah Amerika Syarikat, Russia dan United Kingdom. Manakala, pihak depositori bagi REG1975 adalah melalui Setiausaha Agung, Pertubuhan Bangsa – Bangsa Bersatu.
- Jawatankuasa (JK) Kerja Triti Angkasa telah ditubuhkan di bawah Lembaga Angkasa Malaysia bagi meneliti ketersediaan dan keupayaan serta implikasi penyertaan sebelum syor penyertaan dibuat. JK Kerja ini dianggotai 19 buah Kementerian/ Jabatan/ Agensi serta akademia. Pelbagai inisiatif telah dijalankan bagi mengumpulkan input dan pandangan melalui bengkel, sesi libat urus dan mesyuarat bersama pemegang taruh sektor angkasa negara seperti pemain industri, penyelidik, agensi kerajaan, akademia dan lain-lain.
- Senarai Triti Angkasa di bawah PBB dan status penyertaan semasa:
 - a. *Treaty on Principles Governing the Activities of States in the Exploration and Use of Outer Space, Including the Moon and Other Celestial Bodies* (OST 1967) (118P, 23S) (Malaysia:P)
 - b. *Agreement on the Rescue of Astronauts, the Return of Astronauts and the Return of Objects Launched into Outer Space* (ARRA 1968) (100P, 23S) (Malaysia:S)
 - c. *Convention on International Liability for Damage Caused by Space Objects* (LIAB 1972) (100P, 18S)
 - d. *Convention on Registration of Objects Launched into Outer Space* (REG 1975) (79P, 3S) (Malaysia:P)

- e. *Agreement Governing the Activities of States on the Moon and Other Celestial Bodies* (MOON 1979) (17P, 4S)

*P:Parties, S:Signatories

*Ahli UN: 193 Negara

*Ahli UNCOPUOS: 104 Negara

*Jumlah setakat September 2025

*Rujukan: Laman web UNOOSA (unoosa.org)

- Intipati Triti Angkasa yang disertai Malaysia adalah seperti berikut:

BIL.	TRITI	RINGKASAN
1.	<i>Treaty on Principles Governing the Activities of States in the Exploration and Use of Outer Space, Including the Moon and Other Celestial Bodies</i> (OST 1967)	<p>(a) Penerokaan angkasa hanya untuk tujuan keamanan bagi manfaat sejagat.</p> <p>(b) Penerokaan dan penggunaan angkasa lepas harus dijalankan untuk manfaat semua pihak tanpa mengira status ekonomi/kemampuan saintifik sesebuah negara.</p> <p>(c) Menyumbang kepada kerjasama antarabangsa dalam aspek saintifik dan perundangan melalui penerokaan dan penggunaan angkasa lepas untuk tujuan aman sahaja.</p> <p>(d) Persefahaman dan pengukuhan hubungan antara negara anggota.</p>
4.	<i>Convention on Registration of Objects Launched into Outer Space</i> (REG 1975)	<p>(a) Negara pemilik objek angkasa hendaklah mendaftarkan objek angkasa yang dilancarkan ke angkasa lepas kepada UNOOSA.</p> <p>(b) Pendaftaran objek angkasa bagi proses pengenalannya yang menyumbang kepada pengawalan, penerokaan dan penggunaan angkasa lepas selaras dengan perundangan antarabangsa.</p>